

# Semarakkan semangat penyelidikan – Raja Perlis

Oleh ROZILAN SALLEH

Um/220307/27/10/CLUS

**PULAU PINANG** 21 Mac – Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail yakin Universiti Sains Malaysia (USM) berada pada landasan yang betul untuk mencapai tahap yang lebih tinggi dalam bidang penyelidikan.

Baginda yang juga Canselor USM berkata, universiti itu bukan sahaja setakat mendidik pelajar tetapi juga masyarakat untuk menghargai kerja-kerja penyelidikan serta usaha-usaha lain termasuk menghayati karya seni.

“Usaha-usaha seperti membawa hasil penyelidikan kita ke kawasan pinggir dan luar bandar merupakan antara usaha terkini yang harus dipuji. Saya mengharapkan lebih banyak usaha seperti ini dibuat,” titahnya pada malam anugerah Sanggar Sanjung USM di sini malam tadi.

Turut hadir Raja Perempuan Perlis, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Yang Dipertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas dan Naib Canselor USM, Prof. Datuk Dzulkifli Abdul Razak.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah, pengiktirafan yang diterima USM seharusnya mampu menyemarakkan lagi semangat para penyelidik untuk terus berusaha memartabatkan ilmu.

Menurut baginda, kejayaan yang lebih signifikan terutama dalam memasarkan produk penyelidikan serta meningkatkan jaringan kerjasama dengan pertubuhan utama peringkat dunia, perlu menjadi keutamaan universiti.

“Walaupun sambutan di kalangan industri dikatakan agak dingin atas pelbagai alasan yang diberi, ia tidak harus mematahkan semangat tuan-tuan dan puan-

-puan untuk mencari jalan terbaik bagi mengatasinya.

“Saya mengharapkan usaha dibuat secara berterusan untuk merapatkan diri dengan pelbagai pertubuhan perniagaan dan komersial antarabangsa yang ada dengan mengadakan pertemuan dan perbincangan, terutamanya melalui syarikat universiti, Usains Holding,” titah baginda.

Pada majlis itu, sebanyak 34 ahli akademik menerima anugerah Sanggar Sanjung yang disampaikan Tuanku Syed Sirajuddin.

Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia, Prof. Dr. Abdul Latif Ahmad menerima anugerah Sanggar Sanjung peringkat antarabangsa atas kejayaannya mencatat sejarah menjadi wakil pertama di Asia menerima pengiktirafan berprestij kerajaan Arab Saudi apabila memenangi Anugerah Antarabangsa Air Putera Sultan bin Abdul Aziz, pada tahun lepas.

Beliau yang kini dilantik sebagai pakar runding sumber air alternatif bagi kerajaan Arab Saudi, juga menerima Anugerah Khawarizmi ke-20 dari kerajaan Iran pada Februari lalu.

Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Prof. Madya Tiun Ling Ta pula menerima anugerah Sanggar Sanjung peringkat kebangsaan, setelah dipilih sebagai pemenang anugerah Tokoh Orang Kelainan Upaya Kebangsaan 2005 hasil sumbangannya terhadap kemajuan untuk orang kurang upaya (OKU) di negara ini.

Sementara itu, Prof. Dzulkifli dipilih menerima anugerah khas Naib Canselor atas pencapaiannya menerima Ijazah Kehormat Doktor Sains daripada Univer-

**Usaha-usaha seperti membawa hasil penyelidikan kita ke kawasan pinggir dan luar bandar merupakan antara usaha terkini yang harus dipuji**

**TUANKU SYED SIRAJUDDIN SYED PUTRA JAMALULLAIL**  
Raja Perlis



**TUANKU Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail menyampaikan anugerah Sanggar Sanjung Peringkat Antarabangsa kepada Profesor Dr. Abdul Latif Ahmad di Pulau Pinang, semalam.**

sity of Portsmouth, United Kingdom dan pelantikannya sebagai Presiden Persatuan

Institusi Pengajian Tinggi Asia Tenggara, baru-baru ini.

18